

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Peruntukan RM510 juta tanam baru, tanam semula sawit • MUKA 3

Tun Razak dianugerah tokoh industri sawit • MUKA 5



Info

5 anjakan transformasi industri sawit

- **Pensijilan** Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)
- **Melabur** dalam aktiviti R&D&C
- **Perkukuh** pembangunan modal insan
- **Mensasarkan** lebih ramai golongan profesional
- **Meningkatkan** aktiviti tanam semula sawit



PM umum lima anjakan transformasi industri sawit

➔ Kerajaan ambil langkah pro-aktif perkenal skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Bestari Jaya

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengumumkan lima anjakan transformasi untuk memastikan masa depan industri sawit lebih cemerlang untuk tempoh 100 tahun akan datang.

Beliau menamakan kelima-lima anjakan transformasi ini semasa melancarkan sambutan ulang tahun ke-100 industri sawit Malaysia yang diadakan di Ladang Tenamaram di sini, baru-baru ini.

Anjakan transformasi pertama melibatkan pensijilan kemampuan untuk industri sawit.

Najib berkata industri sawit negara terus berdepan dengan pelbagai cabaran, tuduhan dan persepsi negatif oleh beberapa kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) yang mengaitkan kononnya pembangunan tanaman sawit tidak mampan dan mencemarkan alam sekitar.

Bagi menangani permasalahan ini, kerajaan telah mengambil langkah pro-aktif dengan memperkenalkan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Skim ini dilaksanakan secara sukarela sejak 2015 dan ia selaras dengan undang-undang dan peraturan semasa negara dan penguasaan penanaman sawit melalui amalan pertanian terbaik.

Penuhi permintaan global

"MSPO ini memenuhi permintaan global yang semakin meningkat dan ia meyakinkan para pembeli terhadap produk sawit yang dihasilkan oleh negara adalah disahkan kemampuannya. Ia meningkatkan aksesibiliti dan daya saing serta memberi kelebihan kepada industri sawit negara di pasaran global," katanya.

Anjakan transformasi kedua pula melibatkan pelaburan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan (R&D&C) dalam menyokong pengembangan industri sawit.

Najib berkata sejak 10 tahun yang lalu sebanyak RM1.8 bilion telah dibelanjakan bagi tujuan R&D&C untuk meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti

minyak sawit serta penghasilan produk hiliran bernilai tinggi, sekaligus melonjakkan Malaysia sebagai peneraju teknologi industri sawit global.

Sehingga kini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menghasilkan sebanyak 608 teknologi dalam pelbagai bidang berkaitan industri sawit. Daripada jumlah ini, lebih 172 teknologi atau 30% telah berjaya dikomersialkan.

Najib telah mengategorikan fokus kepada pengukuhan pembangunan modal insan sebagai anjakan transformasi ketiga.

Jamin kecekapan industri

"Tenaga kerja mahir, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam teknik serta aplikasi teknologi moden akan menjamin kecekapan industri bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing industri pada masa hadapan.

"Buat masa ini, industri sawit negara masih lagi berintensifkan buruh terutama dalam aktiviti berkaitan penuaian buah sawit. Adalah penting bagi pihak industri, khususnya diperingkat hulu, untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi bagi menggantikan penggunaan tenaga buruh yang ramai dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan," kata Najib.

Anjakan transformasi keempat untuk memastikan masa depan industri sawit menjadi lebih cemerlang untuk tempoh 100 tahun akan datang adalah menasaskan lebih ramai lagi golongan profesional untuk menceburi bidang sawit.

Najib berkata golongan profesional ini mampu membangunkan industri sawit berlandaskan aspek seperti teknologi; kemahiran; pengetahuan; penyesuaian dan ketahanan.

Anjakan transformasi kelima yang dicadangkan oleh Perdana Menteri adalah melibatkan aktiviti penanaman semula sawit oleh pekebun kecil dan pemilik estet.

Beliau berkata penanaman semula sawit akan dapat meningkatkan produktiviti jangka masa panjang industri dan memastikan negara akan terus kekal sebagai salah sebuah negara utama pengeluar minyak sawit dunia.

Industri sawit mencatat satu lagi detik bersejarah pada 18 Mei 2017 dengan Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, tempat bermulanya penanaman sawit secara komersial pada tahun 1917.

Dalam jangka 100 tahun lalu, industri sawit telah melalui perubahan dinamik dari tanaman kepada pengilangan dan pemrosesan yang menghasilkan pelbagai produk berasaskan sawit. Kemajuan penyelidikan telah menyumbang kepada kemajuan industri sawit negara yang menjadi pengeluar dan pengekspor utama produk sawit. Minyak sawit dan produk keluarannya digunakan secara meluas dalam aplikasi makanan dan bukan makanan.

Perdana Menteri semasa berucap pada majlis Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara telah menariskan lima anjakan transformasi yang merangkumi pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MS-PO); pelaburan dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C); memperkukuhkan pembangunan modal insan; mensasarkan lebih ramai golongan profesional menceburi industri sawit; dan meningkatkan aktiviti tanam semula sawit.

Anjakan transformasi industri sawit negara yang diutarakan oleh Perdana Menteri bertujuan memastikan Malaysia sebagai antara negara utama pengeluar minyak sawit dunia, kecekapan produktiviti jangka masa panjang dan memperkasakan sektor pekebun kecil.

Peningkatan prestasi industri sawit negara melibatkan usaha R&D&C yang menghasilkan teknologi dan inovasi yang ditawarkan bagi pengkomersialan, pengeluaran bahan

tanaman sawit berkualiti yang berhasil tinggi dan mesra tuaian, pembangunan sektor hiliran dengan penumpuan bagi menghasilkan produk tambah nilai, sekali gus menjana pendapatan tinggi.

Pembangunan industri sawit negara juga memfokuskan kepada penghasilan produk sawit mampan, memenuhi keperluan dan kehendak semasa populasi dunia serta melaksanakan amalan mesra alam dengan memanfaatkan bahan buangan sawit serta penghasilan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Dalam usaha menggerakkan pembangunan industri sawit yang berteraskan teknologi dan inovasi dan meningkatkan tahap mekanisasi dan automasi, MPOB menganjurkan Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (International Competition on Oil Palm Mechanisation - ICOPM) yang telah dilancarkan pada 22 Februari 2017 oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Penganjuran ICOPM sempena sambutan 100 tahun industri sawit negara adalah kali ketiga yang merupakan kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia. ICOPM menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah AS\$1.13 juta dengan hadiah utama AS\$1juta.

Penyertaan ICOPM yang telah ditutup pada 12 Mei 2017 kini dilanjutkan sehingga 30 Jun 2017 bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan oleh pereka cipta dalam dan luar negara untuk menghasilkan inovasi dan reka cipta yang praktikal, efektif kos dan berdaya maju dalam meningkatkan tahap mekanisasi dan kecekapan operasi ladang sawit.

ICOPM terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu Teknologi Penuaian, Kutipan Buah Lerai dan Pengangkutan/Pengalihan Buah Tandan Segar.

Saya mengambil peluang ini mempelawa semua pihak menyertai ICOPM untuk menghasilkan inovasi mekanisasi sektor perladangan sawit bagi merealisasikan matlamat kerajaan mengembangkan industri sawit sebagai sektor yang moden, berdaya saing dan mampan.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB



Najib melancarkan setem peringatan sempena Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit yang turut dihadiri Siew Keong, Noh dan Datu Nasrun di Bestari Jaya, Selangor.

Sambutan gemilang 100 tahun industri sawit

➔ Sambutan dirai di Bestari Jaya, lokasi asal sawit mula ditanam secara komersial

Oleh **FadzilGhazali**
afadzilg@mpob.gov.my

► Bestari Jaya

Pada 18 Mei 2017, industri sawit negara dengan rasminya merayakan ulang tahun ke-100 kewujudannya secara komersial di bumi bertuah ini.

Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain. Maka amat berseesuaian sambutan 100 tahun diraikan di lokasi asal di mana sawit mula ditanam secara komersial oleh usahawan Perancis, Henri Fauconnier pada 1917.

Ladang Tennamaram di Bestari Jaya berubah wajah

pada 18 Mei 2017 sempena sambutan ulang tahun ke-100 industri sawit Malaysia.

Sambutan yang dihadiri lebih 5,000 orang itu menempatkan ruang pameran sepanjang 55 kaki dibina sebagai laluan kenangan untuk mengingati peristiwa bersejarah dalam industri sawit sepanjang tahun 1917 sehingga 2017.

PM lancar ulang tahun ke-100 industri sawit

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang diiringi Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Datu Nasrun Datu Mansur; dibawa melawat ruang pameran sebelum menuju ke kawasan pelancaran majlis.

Di hadapan hadirin, Najib memberi ucapan perasmian majlis dengan menekankan betapa pentingnya industri sawit kepada negara dan bagaimana segalanya bermula pada tahun 1917.

Majlis turut menyaksikan penyampaian anugerah sem-

pena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia.

Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dianugerahkan sebagai Tokoh Industri Sawit Negara atas jasa serta sumbangan besarnya membangunkan sektor itu sekali gus mengubah landscape ekonomi serta sosial masyarakat negara ini sejak 61 tahun lalu.

Mendiang Henri Fauconnier turut menerima anu-

gerah Tokoh Pengasas Industri Sawit di negara ini selepas memperkenalkan tanaman itu secara komersial di Ladang Tennamaram pada tahun 1917. Anugerah ke atas Henri itu diterima cicitnya, Jeremie Fontainne yang mewakili pihak keluarganya.

Majlis sambutan 100 tahun kegemilangan industri sawit negara turut melihat pelancaran beberapa produk premium sempena hari bersejarah itu. Antaranya setem peringatan dan sampul surat hari pertama; serta 'coffee table book'.

Majlis menanam pohon sawit turut diadakan sebagai penanda sambutan 100 tahun kegemilangan industri sawit negara. Perdana Menteri diberi penghormatan untuk menanam pohon sawit berkenaan.

Penghibur dan pencipta lagu Datuk M Nasir seterusnya menggamatkan lagi suasana dengan rangkaian lagu-lagu popular beliau di penghujung majlis. Mantera Semerah Padi berkumandang meriah di tapak sawit mula ditanam secara komersial di Malaysia, menyemarakkan semangat untuk terus berjuang mencipta kegemilangan.

Fakta nombor

5,000 ORANG

tetamu hadir pada sambutan ulang tahun ke-100 industri sawit Malaysia di Ladang Tennamaram di Kuala

Peruntukan RM510j tanam baru, tanam semula sawit

➔ Dana harga sumbangan pekebun kecil kepada pembangunan industri

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Bestari Jaya

Kerajaan menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM510 juta untuk Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil bagi tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Pengumuman ini dibuat oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapan beliau ketika melancarkan sambutan ulang tahun ke-100 industri sawit Malaysia di Ladang Tennamaram baru-baru ini.

"Saya berharap agar melalui pe-

runtukan ini akan mampu meringankan beban kewangan para pekebun kecil untuk melaksanakan penanaman semula dan penanaman baharu sawit dan dalam masa yang sama, memastikan pengeluaran sawit negara mampu memenuhi permintaan pasaran," tambah beliau.

Najib berkata dari 2010 hingga 2020, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.75 bilion untuk Skim Tanam Semula dan Tanam Baharu Sawit untuk pekebun kecil persendirian.

Langkah ini merupakan satu program berfokuskan rakyat bagi memastikan negara terus kekal sebagai sebuah negara utama pengeluar minyak sawit dunia, meningkatkan produktiviti jangka

masa panjang dan dalam masa sama, pekebun kecil sawit turut menikmati peningkatan pendapatan.

Perdana Menteri berkata, peruntukan tambahan tersebut diumumkan setelah mengambil kira sumbangan pembangunan industri sawit kepada negara sejak ia mula diusahakan pada 1917.

Peruntukan tambahan

"Makanya, mengambil kira sumbangan besar pekebun kecil kepada pembangunan industri ini, makanya pada petang yang berbahagia ini di hadapan lebih lima ribu orang hadirin dengan ini saya sukacitanya mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM510 juta untuk Skim Tanam

Semula Sawit Pekebun Kecil dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil," tambah beliau.

Najib turut menggariskan tiga fokus dalam industri sawit bagi memastikan ia dapat dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi.

"Walaupun kini negara merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia, namun industri sawit Malaysia mampu menjadi yang terbaik dengan menguasai sektor hiliran dan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), penumpuan bagi menghasilkan produk serta bahan tanaman sawit yang bernilai tambah tinggi dan mesra tuaian, sekali gus menjana pendapatan tinggi.

"Kedua, menghasilkan produk

sawit yang mampan, memenuhi keperluan dan kehendak semasa populasi dunia, selain memfokus kepada 'zero waste' yakni amalan mesra alam dengan memanfaatkan bahan buangan sawit serta gas metana yang dihasilkan selaras dengan permintaan semasa.

"Dan ketiga, menggerakkan industri sawit yang berteraskan teknologi dan inovasi bagi meningkatkan tahap mekanisasi serta automasi," kata beliau.

Najib berkata industri sawit sangat penting kepada Malaysia yang merupakan pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia dengan eksport sawit berjumlah RM67.6 bilion iaitu kira-kira 8.6 peratus daripada jumlah eksport barangan negara pada 2016.



Sebahagian pekebun kecil sawit yang hadir memeriahkan sambutan 100 tahun industri sawit negara.

Misi perkukuh dagangan minyak sawit Malaysia, China



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara POIC Sabah dan syarikat China di Beijing.

Oleh **Yoong Jun Hao**
jhyoong@mpob.gov.my

Beijing: Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur mengetuai Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Negara China pada awal Mei 2017 lalu bagi mengukuhkan perdagangan dan pelaburan dua hala minyak sawit antara Malaysia dan China.

Misi turut disertai oleh Duta Besar Malaysia ke Negara China, Dato' Zainuddin Yahya; Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Zurinah Pawanteh; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan wakil Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Faudzy Asrafudeen Sayed Mohamed.

Pada misi itu, Datuk Datu Nasrun mengadakan perbincangan dua hala bersama Timbalan Datuk

Bandar Tangshan, Zhang Yuexian bagi meningkatkan perdagangan sawit Malaysia ke China melalui Caofeidian Port, Tangshan di samping menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Palm Oil Industry Cluster (POIC) Sabah dan syarikat-syarikat China.

Antara syarikat China yang menandatangani memorandum persefahaman bersama POIC adalah Tangshan Chunhua Grain & Oil Group Co, Ltd; Top Honesty Biotechnology Co, Ltd; Utility Sugar Trading Ltd; Dan Xinji Xinyuan Biotech Co, Ltd.

Pertingkat pelaburan

Kerjasama yang dijalin ini bukan sahaja mengukuhkan perdagangan antara Malaysia dan China tetapi turut meningkatkan pelaburan China dalam sektor hiliran berniali tinggi di Malaysia.

Selain itu, Datuk Datu Nasrun turut mengadakan perbincangan

dengan Presiden Sinograin Corporation, Deng Yiwu bagi meningkatkan usaha memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dalam perdagangan sawit.

Sinograin Corporation adalah syarikat milik kerajaan China yang terlibat dalam penyimpanan stok bijiran dan lelembak bagi memastikan sekuriti bekalan makanan di negara berkenaan.

Ketika di Beijing, Timbalan Menteri turut mengadakan perbincangan dengan pengurusan tertinggi syarikat yang terlibat dalam perdagangan sawit. Antaranya termasuk perbincangan bersama Presiden Kumpulan syarikat Heyirong Group, Zhou Siyong, dan Pengerusi Tangshan Chun Hua Grain & Oil Co, Ltd, Qi Xiangzhi.

Datuk Datu Nasrun turut mengadakan lawatan ke Palm Oil Research and Technical Services Institute of MPOB (PORTSIM) di Shanghai.

Pekebun kecil sumbang kemajuan industri

➔ Penglibatan berjaya tingkat taraf hidup, sosioekonomi penduduk luar bandar

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

► Bangi

Pekebun kecil disaran bergiat aktif dalam melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) selaras dengan usaha kerajaan bagi memajukan ekonomi negara dan peningkatan taraf hidup dan sosioekonomi penduduk luar bandar.

“Penglibatan pekebun kecil dalam penanaman sawit penting kepada kemajuan industri sawit negara,” kata Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berucap merasmikan Seminar Pekebun Kecil Sawit 2017, di sini baru-baru ini. Seminar diadakan sempena Sambutan 100 Tahun Kemerdekaan Industri Sawit Negara.

Katanya, strategi kerajaan dalam membangunkan sektor berasaskan pertanian khususnya penanaman sawit memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat di luar bandar.

“Peningkatan pengeluaran dan eksport minyak sawit menyumbang kepada peningkatan pendapatan eksport produk sawit yang bernilai RM67.6 billion pada 2016.

“Harga komoditi sawit yang stabil berbanding komoditi pertanian lain memberi peningkatan pendapatan kepada pengusaha tanaman sawit dan pekebun kecil serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar.

Katanya, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit yang dijalankan kerajaan giat melaksanakan pelbagai program pembangunan yang membabitkan sektor pekebun kecil yang bertujuan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup.

“MPOB dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sektor pekebun kecil sawit persendirian. Ini dilaksanakan melalui khidmat nasihat yang disediakan oleh pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB dan penyaluran bantuan kerajaan.

Skim bantuan

Antara bantuan yang disediakan ialah Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Diskaun Cantas (SKIDIC), Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa), dan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe).

Katanya, skim bantuan bagi tanaman baharu dan tanam semula sawit telah memanfaatkan seramai 50,098 pekebun kecil dengan keluasan kebun sawit berjumlah 116,115 hektar. Daripada jumlah tersebut 20,421 pekebun kecil



Datuk Seri Ahmad Hamzah memukul gong simbolik perasmian seminar sambil diperhati Dr Ahmad Kushairi Din.

(52,416 hektar) adalah bagi tanaman semula sawit, manakala 29,677 pekebun kecil (63,700 hektar) menerima bantuan bagi program tanam baharu sawit.

Selain itu, melalui pelaksanaan ITa dan ITe seramai 407 pekebun kecil sawit dengan keluasan 847 hektar telah melaksanakan ITa, manakala bagi ITe pula sebanyak 81 projek dilaksanakan terdiri 26 projek ternakan lembu, 44 projek ternakan kambing dan 11 projek ternakan biri-biri setakat Mac 2017.

Tambah beliau, MPOB juga menggalakkan pekebun kecil memperoleh pensijilan Amalan

Pertanian Baik dan Kod Amalan Baik bagi memastikan pengeluaran minyak sawit yang dihasilkan pekebun kecil berkualiti, mampan dan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Katanya, dalam usaha meningkatkan amalan pertanian baik, pegawai TUNAS MPOB bersedia membantu memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil.

“Penanaman dengan baka sawit berkualiti dan pematuan GAP serta penglibatan aktif pekebun kecil akan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan industri sawit negara.

Di samping pensijilan ini, pihak MPOB turut membantu pekebun kecil untuk mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai usaha tambahan meningkatkan laluan minyak sawit negara ke pasaran dunia.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mensijilkan semua pihak berkaitan industri sawit, terutama di aktiviti hulu dan pertengahan, di bawah MSPO menjelang 2019.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengerah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan Pengerusi Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekubun Kecil Malaysia (NASH), Datuk Aliasak Ambia.



Datuk M Nagarajan (kanan) berjabat tangan dengan wakil Suruhanjaya Kesatuan Eropah ketika lawatan kerja ke Brussels baru-baru ini.

Malaysia minta EU kaji semula usul diskriminasi sawit

Oleh Rafizah Mazlan rafizah@mpob.gov.my

Brussels: Malaysia telah menghantar delegasi ke Kesatuan Eropah (EU) untuk membantah dan meminta EU menarik balik usul terbaru kesatuan itu yang memberi layanan tidak adil serta berat sebelah terhadap industri minyak sawit.

Diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan, delegasi Malaysia ini turut disertai oleh Ketua Pengerah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr. Kalyana Sundram dan Ketua Pehawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Harnarinder Singh.

Delegasi ini bertemu dengan Ahli-ahli Parlimen Kesatuan Eropah (MEPs) dan wakil Suruhanjaya Kesatuan Eropah (EC) bagi meyakinkan mereka bahawa resolusi itu adalah berat sebelah kerana hanya melibatkan minyak sawit sahaja.

Resolusi berat sebelah

Resolusi berkenaan turut memproklamasikan skim pensijilan kemampanan sedia ada seperti Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO), Indonesian Sustainable Palm Oil (ISPO) dan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) sebagai piawaian yang lemah serta tidak menepati kehendak antarabangsa dari aspek kemampanan. Ia juga turut mencadangkan pemberhentian secara berperingkat penggunaan minyak sawit dalam semua program bio bahan api EU men-

jelang 2020.

Resolusi ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan negara pengeluar minyak sawit dunia kerana dilihat sebagai tidak adil. Ini kerana hanya minyak sawit sahaja tertakluk kepada syarat ini sedangkan minyak sayuran lain tidak tertakluk kepada pensijilan sedemikian. Ia juga turut menuduh perdagangan sawit sebagai penyumbang kepada kemusnahan hutan hujan tropika dan perubahan iklim.

Delegasi Malaysia berjaya menyakinkan penggubal polisi dan undang-undang di EU bahawa Malaysia sangat serius dalam memastikan minyak sawit dari Malaysia dihasilkan secara mampan dan tidak memusnahkan alam sekitar, malah kualiti kandungannya sangat baik untuk kesihatan.



Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dianugerah Tokoh Industri Sawit sempena Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit.



Jeremie Fontaine (waris Henri Fauconnier) menerima Anugerah Pengasas Industri Sawit bagi pihak keluarganya daripada Dato' Sri Najib Tun Razak.

Tun Razak dianugerah tokoh industri sawit

➔ Prihatin terhadap kemiskinan, komited lihat perubahan sosioekonomi masyarakat luar bandar

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Bestari Jaya

Perdana Menteri Malaysia Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dianugerah Tokoh Industri Sawit sempena Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara yang diraikan di Ladang Tennamaram, di sini pada 18 Mei 2017 yang lalu.

Anugerah Tokoh Industri Sawit kepada Tun Razak diterima oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada majlis berkenaan yang disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Tun Razak yang amat prihatin terhadap kemiskinan masyarakat luar bandar dan komited untuk melihat perubahan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Pada Ogos 1955, beliau mengorak langkah

PENERIMA ANUGERAH 100 TAHUN INDUSTRI SAWIT

■ ANUGERAH TOKOH INDUSTRI SAWIT
Tun Abdul Razak Hussein

■ ANUGERAH PENGASAS INDUSTRI SAWIT
Henri Fauconnier

■ ANUGERAH LADANG SAWIT KOMERSIAL PERTAMA
Ladang Tennamaram

■ ANUGERAH SKIM RANCANGAN SAWIT KERAJAAN PERTAMA
FELDA Taib Andak, Kulai, Johor

■ ANUGERAH PEKEBUN KECIL SEMENANJUNG
Ahmad Sidek

■ ANUGERAH PEKEBUN KECIL SABAH
Mohd Sabri Dimeng

■ ANUGERAH PEKEBUN KECIL SARAWAK
Musa Matun

memanifestasikan usaha menghapuskan kemiskinan yang amat ketara di luar bandar pada masa itu dengan mewujudkan Program Pembangunan Luar Bandar.

Penubuhan Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA) pada 1956 adalah komponen utama di bawah program itu, bertujuan mempercepatkan pembangunan luar bandar dengan pembinaan infrastruktur.

Pembukaan skim FELDA di kawasan terpencil menjadi dorongan kepada program pembangunan luar bandar dan inisiatif ini secara ketara selepas meningkatkan status ekonomi kawasan luar bandar.

Tun Razak turun padang merentas kampung dan desa bagi meninjau dengan lebih dekat projek yang dilancarkan oleh kerajaan ini berjaya. Hasilnya, FELDA kini sudah membangunkan kawasan lebih 800 ribu hektar, iaitu lebih 600 ribu hektar adalah tanaman sawit.

Pada majlis sama, Henri Faucon-

nier usahawan berbangsa Perancis yang mula menanam sawit secara komersial di Malaysia menerima Anugerah Pengasas Industri Sawit. Henri Fauconnier, yang merantau ke Asia pada usia 26 tahun membawa beberapa biji sawit untuk ditanam di Rantau Panjang pada 1911.

Buka ladang sawit di Malaysia

Beliau yang yakin dengan potensi komersial sawit, menubuhkan ladang pertama di Malaysia pada 1917 di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai. Ladang ini merupakan asas kepada industri sawit secara komersial di Malaysia.

Anugerah Pengasas Industri Sawit diterima oleh waris yang juga cicit beliau Jeremie Fontaine pada majlis berkenaan daripada Perdana Menteri Malaysia.

Anugerah lain yang turut disampaikan pada majlis berkenaan ialah Anugerah Ladang Sawit Komersial Pertama yang mengiktiraf



Ladang Tennamaram yang kini di bawah naungan Sime Darby Plantation.

FELDA Taib Andak, Kulai, Johor menerima Anugerah Skim Rancangan Sawit Kerajaan Pertama.

FELDA Taib Andak yang dinamakan sempena nama pengerusi kedua FELDA adalah rancangan sawit yang pertama dan tertua di Malaysia. Skim ini menempatkan 620 keluarga peneroka FELDA dan dibuka pada 1961.

FELDA Taib Andak yang kini termasuk dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai kawasan pembangunan di masa akan datang.

Pada majlis berkenaan, Dato' Sri Najib Tun Razak turut menyampaikan Anugerah Pekebun Kecil kepada tiga pekebun kecil iaitu Ahmad Sidek bagi Semenanjung Malaysia; Mohd Sabri Dimeng bagi negeri Sabah dan Musa Matun dari Sarawak.

Ahmad Sidek, 60 mula melibatkan diri dalam penanaman sawit seawal usia 28 tahun. Kini kebun beliau yang seluas 2.57 hektar merupakan kebun contoh untuk mereka yang ingin bergiat langsung alam sektor ini. Hasil buah tandan

segara tertinggi yang pernah diperolehi beliau ialah 48 tan sehektar pada 2007.

Beliau pernah dinobatkan dengan pelbagai anugerah termasuk Anugerah Industri Sawit Wilayah Tengah 1996; Anugerah Industri Sawit 1998; Anugerah Industri Sawit 2000; Anugerah Industri Komoditi 2005; Champion of the Best Growers 2005 (CCM) dan Anugerah UPM 2008.

Hasil tandan segar tertinggi

Sementara itu, Mohd Sabri Dimeng, 41 yang berasal dari Tawau, Sabah mula menceburkan diri dalam industri sawit pada 2004. Dengan keluasan 35.2 hektar beliau berjaya memperoleh hasil buah tandan segar tertinggi 39.2 tan pada 2014. Beliau sebelum ini pernah menerima anugerah Penternak Jaya Negeri Sabah 2015 dan Anugerah Industri Sawit 2015/2016 kategori Pekebun Kecil Negeri Sabah.

Bagi Musa Matun, 55 yang berasal dari Miri, Sarawak, pencapaian tertinggi kebun beliau ialah 37.67 tan sehektar pada 2014. Beliau mula bergiat aktif dalam penanaman sawit pada 2004 kini amat berpuas hati dengan hasil yang diperolehi daripada tanaman sawit seluas 21.78 hektar. Pencapaian membanggakan beliau berjaya merangkul Anugerah Industri Sawit 2015/2016 kategori Pekebun Kecil Negeri Sarawak.

Semua penerima anugerah menerima trofi masing-masing beserta sijil daripada Perdana Menteri di hadapan lebih 5,000 hadirin yang menghadiri Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit.

100 ULANGTAHUN

INDUSTRI SAWIT MALAYSIA 1917 - 2017

100 Tahun Industri Sawit (1917 - 2017)

Kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) berasal dari Afrika Barat. Empat anak benih telah diperkenalkan di Taman Botani Bogor, Jawa, Indonesia pada tahun 1848, dan melalui Sumatera telah sampai ke Rantau Panjang, Kuala Selangor, Malaysia pada tahun 1911/12.

Penanaman awal sawit adalah sebagai tanaman hiasan di pinggir jalan. Yakin dengan potensi komersial sawit, Henri Fauconnier, seorang usahawan Perancis telah menubuhkan ladang sawit pertama di Malaysia pada tahun 1917 di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor. Ladang ini merupakan asas kepada industri sawit Malaysia.

Bagi jangka 1917 - 2017, industri sawit telah berkembang daripada perladangan kepada pemprosesan, pengeluaran produk dan eksport yang telah menyumbang kepada ekonomi negara selama 100 tahun.

1917
Henri Fauconnier, usahawan Perancis memulakan tanaman sawit secara komersial di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor menggunakan bahan tanaman dari Rantau Panjang.

1920-1950
Industri sawit berkembang. Sime Darby, Guthrie, Socfin, United Plantations dan Harrison & Crosfield antara syarikat terawal dalam industri sawit di Malaysia.

1922
Jabatan Pertanian memulakan penyelidikan sawit.

1961
Penubuhan Felda Taib Andak di Kulai, Johor merupakan skim pertama dengan tanaman sawit di bawah program pembasmian kemiskinan dan mempelbagaian tanaman. Penerima menikmati peningkatan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik.

1970
Sektor penapisan minyak sawit mula berkembang. Malaysia bergerak ke arah penghasilan barangan hiliran sawit.

1972
Penubuhan Kementerian Perusahaan Utama (KPU).

1977
Penubuhan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) yang berperanan menjalankan aktiviti kawal selia industri sawit.

1979
Penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) bagi menjalankan penyelidikan dalam semua aspek sawit.



1981
Kumbang pendebungaan (*Elaeidobius kamerunicus*) diperkenalkan dengan kesan meningkatkan kecekapan pendebungaan, peningkatan set buah dan hasil minyak.



1985
Permulaan sektor oleokimia berasaskan sawit. Pempelbagaian nilai tambah meningkatkan daya saing industri sawit.



1990
Penubuhan Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) dan kemudiannya dinamakan MPOC bagi menangkis kempen anti minyak sawit di luar negara.



2000
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ditubuhkan, penggabungan PORIM dan PORLA.



2004
Kementerian Perusahaan Utama disusun semula menjadi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

2006
Dasar Bio Bahan Api Negara diperkenalkan untuk menggunakan minyak sawit sebagai sumber bahan api boleh diperbaharui dan mesra alam.



2011
Pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) RM178 billion menjelang tahun 2020.

Pelaksanaan adunan 5 peratus bio bahan api berasas sawit dengan diesel petroleum (B5) yang dilaksanakan secara berperingkat ke seluruh negara dan ditingkatkan kepada 7% pada tahun 2015.

Pendapatan eksport minyak sawit dan produk keluaran tertinggi RM 83.26 bilion.



2013
Penyelidikan genom menghasilkan penjujukan genom sawit diterbitkan dalam jurnal saintifik terkemuka di dunia, Nature.



2015
Pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Penubuhan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) untuk melaksanakan MSPO.



2016
Minyak sawit dan produk keluarannya dipasarkan ke lebih 200 negara yang menjana pendapatan eksport RM 67.6 bilion.



5.74 juta hektar tanaman sawit
453 kilang kelapa sawit
52 kilang penapis
45 kilang isirung sawit
20 kilang oleokimia
17 kilang biodiesel

4 juta pekerja terlibat secara langsung dan tidak langsung
600,000 pekebun kecil terlibat dalam penanaman sawit



2017
Malaysia meraikan ulang tahun ke-100 industri sawit.

Setem peringatan 100 tahun industri sawit negara

➔ MPOB dengan kerjasama POS Malaysia hasilkan setem peringatan, sampul surat hari pertama

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafa
nurhajar@mpob.gov.my

Bagi memahat kenangan 100 tahun industri sawit negara, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama POS Malaysia Berhad menghasilkan setem peringatan dan sampul surat hari pertama (first day cover) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada majlis Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara pada 18 Mei 2017 lalu di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya Selangor.

Setem peringatan itu didatangkan dalam empat reka bentuk dengan nilai RM1, 80 sen dan 60 sen.

Bagi setem bernilai RM1 sekeping, ia memaparkan proses penuaian dan pengangkutan buah tandan segar (BTS) sawit secara konvensional menggunakan kerbau dan tenaga manusia di era

permulaan industri, sementara setem bernilai 80 sen pula berlatar belakangkan penggunaan jentera dalam kerja penuaian dan pengumpulan buah sawit yang dibangunkan oleh MPOB.

Setem kenangan bernilai 60 sen menggunakan visual koleksi produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit yang tersusun di atas sebuah glob memberi gambaran bahawa produk sawit digunakan di seluruh dunia.

Papar tanda sawit

Reka bentuk lembaran mini pula memaparkan tandan sawit berserta keratan rentas buah sawit. Manakala logo bagi sambutan ulang tahun ke 100 industri sawit negara dipaparkan pada semua setem kenangan tersebut.

Sempena pelancaran setem berkenaan, POS Malaysia mengeluarkan cop khas, Bestari Jaya, mengambil lokasi setem itu dilancarkan. Menariknya, hanya setem dan sampul surat hari pertama majlis sambutan ulang tahun di Ladang Tennamaram mendapat cop eksklusif di kaunter POS Malaysia.

Pengeluaran setem sambutan 100 tahun industri sawit dilihat mampu meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai permulaan industri sawit secara komersial, perkembangan dan sumbangan komoditi ini sebagai salah satu sumber ekonomi utama negara.

Menyedari titik sejarah permulaan yang wajar dikenang dan



Dr Ahmad Kushairi menunjukkan setem peringatan 100 tahun industri sawit.

sumbangan industri ini kepada pembangunan ekonomi negara, POS Malaysia mengambil kesempatan menghasilkan setem peringatan bagi merakam sumbangan industri sawit.

Pada hari pertama setem dilancarkan di seluruh negara, Dr. Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB turut berkunjung ke Pejabat Pos Kuala Lumpur dan merasai pengalaman beratur di kaunter membeli setem. Beliau turut bertemu dan beramah mesra dengan

para pembeli dan pengumpul setem lain yang sudah berada di sana seawal jam 6.00 pagi lagi.

Pos Malaysia telah menyediakan ruang khas kepada MPOB sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam mereka bentuk setem kenangan untuk menurunkan tanda-tangan di atas sampul surat hari pertama yang telah dibeli oleh pengumpul koleksi setem kenangan.

Menurut Pos Malaysia, set folder yang merangkumi set sampul surat hari pertama, tiga helaian se-

tem bernilai RM1.80 sen dan 60 sen, helaian mini, dan brosur yang dijual di Pejabat Pos Kuala Lumpur telah habis terjual hanya selepas 3 jam ia dijual. Selain dijual dalam set sampul surat hari pertama dan folder, ia turut dijual secara berasingan mengikut helaian setem yang berbeza nilai.

Bagaimanapun, bagi yang berminat mendapatkan koleksi setem peringatan ini, boleh membelinya di PalmShopee MPOB di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.

Tempoh menyertai ICOPM dilanjut

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Tempoh untuk menghantar penyertaan dalam Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (ICOPM) telah dipanjangkan ke 30 Jun 2017 daripada 12 Mei 2017 berikutan sambutan hangat terhadap pertandingan yang menawarkan hadiah lebih daripada AS\$1 juta.

ICOPM yang dianjurkan sejak 2014, muncul untuk kali ketiga pada tahun ini sebagai kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia. ICOPM 3 dianjurkan sempena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia tahun ini dan menawarkan hadiah lumayan berjumlah AS\$ 1.13 Juta.

Pelancaran ICOPM 3 diumumkan Menteri Perusaha-

an Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong. Penyertaan ICOPM dibuka mulai 22 Mac 2017.

ICOPM merupakan satu cabaran kepada pencipta inovasi dan teknologi seluruh dunia untuk menghasilkan jentera yang boleh digunakan pakai di ladang sawit untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Cari idea baharu

Ia bertujuan mencari idea baharu dan membangunkan teknologi yang praktikal serta kos efektif bagi aktiviti berkaitan penuaian tandan, pemungutan buah sawit re lai dan pemunggahan buah tandan segar (BTS).

Objektif ICOPM juga adalah untuk meningkatkan tahap pengkomersialan serta penggunaan teknologi atau produk inovasi berkaitan mekanisasi ladang.

Di samping itu, penganjuran ICOPM dapat meningkatkan kesedaran dan menajana idea baharu dan inovatif daripada pihak industri, universiti dan institusi penyelidikan tempatan dan luar negara bagi membangunkan lagi sektor perladangan sawit.

Antara impak yang diharapkan daripada ICOPM adalah meningkatkan produktiviti hasil sawit dan pekerja melalui rekacipta inovasi teknologi mekanisasi ladang sawit; mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing melalui inovasi; menggalakkan budaya inovasi di kalangan masyarakat; mengurangkan kos pengeluaran dan tenaga buruh; dan menjamin kelestarian dan daya saing industri sawit negara.

Bagi dua edisi terdahulu, ICOPM berjaya menarik penyertaan dari negara luar se-

perti Jepun, Sweden, Indonesia dan United Kingdom.

Pertandingan ini dimulakan dengan penilaian ke atas cadangan reka bentuk konsep dan diikuti oleh sesi pembentangan cadangan oleh peserta di Peringkat Kedua Penilaian. Peserta yang dipilih ke Peringkat Akhir akan ditawarkan dengan tuntutan geran sehingga RM90 ribu untuk menghasilkan prototaip ciptaan yang berfungsi dalam tempoh yang ditetapkan.

Panel penilai yang terdiri daripada pakar dalam bidang berkaitan akan membuat penilaian sesuatu produk ciptaan dari aspek kebolehfungsian, praktikal, potensi untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos bagi membolehkan teknologi tersebut dapat dikomersialkan dengan jayanya.

100th ANNIVERSARY
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017

ICOPM
INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM MECHANISATION

USD 1,000,000 Grand Prize

Plus **USD 130,000** other prizes

DEADLINE EXTENDED
30 JUNE 2017

CATEGORIES:

- ★ Harvesting
- ★ Loose Fruit Collection
- ★ Fresh Fruit Bunch Evacuation

ENQUIRIES
Entry forms are available at:
www.mpob.gov.my/ICOPM

Tel: +603-89201504
Fax: +603-89261852
Email: icopm@mpob.gov.my

Contact persons:
Abd Rahim Shuib
Mohd Ramdhan Mohd Khalid

Like and follow us on

Facebook, Twitter, YouTube, LinkedIn icons

MPOB menang anugerah khas, 4 pingat emas ITEX 2017

➔ MPOB kemuka 31 penyertaan dalam pelbagai kategori

Oleh Syed Mohd Hazry Syed Hamid
mohd.hazry@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya merangkul Anugerah Khas Indonesia-INNOVA Innovation Award, tiga anugerah Malaysia Innovative Product (MIPA), empat pingat emas, 23 perak dan satu pingat gangsa pada Pameran Inovasi dan Cip-

taan Antarabangsa ke 28 (ITEX 2017), di Kuala Lumpur Convention Center, sini baru-baru ini.

Anugerah khas dimenangi oleh teknologi 'Bio-Compressed Natural Gas (Bio-CNG) - A Renewable Green Fuel From Palm Oil Mill Effluent (POME)' yang diketuai oleh Pegawai Penyelidik Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan, Nasrin Abu Bakar. Teknologi berkenaan turut merangkul anugerah Terbaik MIPA dan pingat emas.

Teknologi lain yang membawa



Pemenang anugerah di ITEX 2017 bergambar bersama Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Lim Weng Soon (empat dari kanan).

pulung anugerah MIPA ialah 'Hydra-Porter: Hydraulically Powered 4-Wheel FFB Transporter for Soft Structured Soil and Steep Terrain' yang dihasil oleh Ketua Unit Mekanisasi Ladang, Abdul Rahim Shuib dan ahli kumpulannya; dan teknologi 'Santan Sawit PLUS' oleh

Pegawai Penyelidik Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Dr. Zaida Zainal dan kumpulannya.

Kedua-dua teknologi berkenaan turut merangkul pingat emas di samping satu lagi teknologi yang diketuai oleh Pegawai Penyelidik

Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia, iaitu A Novel Process for Synthesizing Glycerol Carbonate from Glycerol.

31 penyertaan

Pada ITEX 2017, MPOB mengemukakan 31 penyertaan dalam pelbagai kategori yang merangkumi agrikultur, alam sekitar dan tenaga boleh diperbaharui, bioteknologi, kesihatan, penghasilan mesin dan peralatan, proses pengeluaran serta teknologi maklumat dan multimedia.

ITEX adalah platform antarabangsa untuk pencipta dan penyelidik mempamerkan ciptaan dan inovasi masing-masing kepada komuniti perniagaan yang berminat untuk mengkomersialkan teknologi yang dihasilkan.

ITEX yang dianjurkan Malaysian Invention & Design Society (MINDS) sejak tahun 1989 adalah acara tahunan dan berjaya menarik ramai pencipta teknologi dan peralatan canggih daripada universiti, institut penyelidikan, individu dan badan korporat daripada pelbagai negara seluruh dunia.

Malam Budaya Cipta ITEX 2017 dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang utama ITEX 2017.



ITEX

➔ ITEX adalah platform antarabangsa untuk pencipta dan penyelidik mempamerkan ciptaan dan inovasi masing-masing kepada komuniti perniagaan yang berminat untuk mengkomersialkan teknologi yang dihasilkan.

PIPOC 2017
INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION

**TREASURING THE PAST
CHARTING THE FUTURE**

14-16 NOVEMBER 2017
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them in 2017!

For more information, please contact:
pipoc2017@mpob.gov.my
or visit MPOB website at www.mpob.gov.my

THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK!

TOT
23rd MPOB
TRANSFER OF TECHNOLOGY
SEMINAR AND EXHIBITION
2017

To be officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries and Commodities

Organized by:
MPOB 100 ANNIVERSARY

HIGHLIGHTS

Technologies and services offered:

- Plantation
- Biotechnology
- Milling and processing
- Oleochemical
- Food Technology

Launch of new technologies and services

Exhibition on new products and services

**TUESDAY
11 JULY 2017**
MPOB Head Office, Bangi

Register online via our website:
www.mpob.gov.my

REGISTRATION
HRD & Conference Management Unit

- Rubaah Masri
03-8769 4567
rubaah@mpob.gov.my
- Salmah Hussin
03-8769 4873
salma@mpob.gov.my
Fax: 03-8925 7549 / 8926 1743

TECHNICAL
Corporate Implementation & Consultancy Unit

- Suraya Mohamad
03-8769 4579
- Jalaludin Omar
03-8769 4882
cicu@mpob.gov.my
Fax: 03-8926 1337

Perbetul persepsi terhadap minyak sawit

➔ Persidangan perkenal ciri, kegunaan minyak sawit

Malaysian Palm Oil International Chef Conference 2017: Seminar untuk Bakal-Bakal Chef Vietnam.

Malaysian Palm Oil International Chef Conference 2017 adalah satu persidangan chef anjuran Malaysian Palm Oil Council (MPOC), yang diadakan di Saigon Exhibition and Convention Centre, Ho Chi Minh City, Vietnam pada 27 April 2017. Ini adalah persidangan kali

kedua selepas diadakan buat pertama kalinya di Kuala Lumpur pada 2016.

Persidangan ini turut dibuka kepada para pengunjung Food & Hotel Vietnam 2017, yang berlangsung dari 25-27 April 2017 di lokasi yang sama. 60 chef Vietnam dari Chef Association Saigon telah hadir bersama para pengunjung lain.

Perbetul persepsi

Persidangan ini adalah sebahagian daripada program pengguna yang merangkumi tiga komponen di mana dua lagi adalah pameran dan demonstrasi memasak.

Persidangan diadakan bertujuan untuk memperkenalkan secara rasmi, minyak sawit kepada chef Vietnam yang merupakan pengguna minyak sawit.



Selain itu, ia turut mendidik mengenai ciri-ciri dan kegunaan minyak sawit Malaysia dan sekaligus memperbetulkan persepsi dan tanggapan yang sedia ada di kalangan chef.

Terdapat tiga orang penceramah yang terdiri daripada dua orang chef dan seorang wakil MPOC iaitu;

i. Master Chef Jochen Kern, Pengarah, Berjaya University College of Hospitality

ii. Chef Marco P. Bruschweiler, WACS Global Master Chef

iii. Mr Teah Yau Kun, Fellow Kanan MPOC

Master Chef Jochen Kern bercakap mengenai sifat minyak sawit dan penggunaan berbeza minyak tersebut berbanding minyak isirung sawit dan minyak sawit me-

rah. Beliau juga melakukan demonstrasi mudah menggunakan minyak sawit merah dalam resipi Mayonis Asia beliau.

Master Chef Marco pula melakukan perbandingan antara minyak sawit dan minyak sayuran yang lain dari segi kegunaan, ketahanan suhu tinggi dan nutrisi.

Beliau menekankan mengenai keupayaan minyak sawit untuk digunakan pada suhu yang tinggi, rasanya yang neutral, dan sifatnya yang bebas kolesterol dan lemak trans.

Mr Teah Yau Kun, sebagai penceramah terakhir, memberi penjelasan yang menyeluruh mengenai aspek teknikal dan aplikasi minyak sawit Malaysia dan minyak sawit merah Malaysia. Pendekatan yang mudah dan ringkas kandungannya membolehkan bakal-bakal chef memahami kepentingan minyak sawit.

Tarik perhatian pengunjung

Sebagai penutup, buku resipi terbitan MPOC, *Malaysian Palm Oil: The Essential Ingredient in Delicious Food* telah dilancarkan oleh Master Chef Jochen Kern.

Beliau turut terlibat sebagai salah seorang dari penyumbang kepada koleksi 30 resipi di dalam buku tersebut. Dia turut menyampai buku tersebut sebagai cenderahati kepada Master Chef Marco.

Buku resipi tersebut boleh didapati pada harga RM40 dari MPOC. Terdapat 6 chef dari lima buah negara termasuk Perancis, Itali dan Jepun berkongsi resipi yang menggunakan minyak sawit dan minyak sawit merah.

Selain dari persidangan, kawasan pameran MPOC juga telah menerima sambutan acapkali demonstrasi memasak diadakan selama dua kali setiap hari.

Dua chef dari Malaysia, Chef Kasdi dan Chef Faizul memasak masakan Melayu sambil menjelaskan mengenai kegunaan, ciri-ciri dan kepentingan minyak sawit Malaysia dalam masakan melalui bantuan seorang chef Vietnam yang bertindak sebagai jurubahasa.

Ruang pameran yang diberikan konsep dapur terbuka, menarik perhatian pengunjung terutama apabila masakan sedang dimasak dan ditambah dengan aroma yang menyelubungi kawasan pameran.

Para pelawat berpeluang mengetahui lebih lanjut mengenai minyak sawit, manakala ada yang terpesona dengan masakan yang dihidangkan, sekaligus memperlihatkan peranan minyak sawit dalam masakan.

Video-video yang menunjukkan sokongan chef dari luar negara terhadap minyak sawit Malaysia dari siri "Malaysian Oil Palm Trail", turut dimainkan sepanjang hari.

Program pengguna ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkenalkan dan memperluaskan lagi pasaran minyak sawit Malaysia.

WORLD PALM PORTRAITS PHOTOGRAPHY COMPETITION 2017



JUMLAH KESELURUHAN HADIAH BERNILAI

10,000.00 USD



Gambar : Andri Jasman Daulay, Indonesia

Seabad industri sawit pelbagai kejayaan dikecapi

Sejak satu dekad berlalu sering berpindah dari mulut ke mulut tentang isu seabad industri sawit yang banyak memberi pelbagai kejayaan kepada negara Malaysia.

Seperti yang sedia kita maklum sejarah awal industri sawit di Malaysia bermula pada tahun 1917, apabila benih sawit Dura (tempurung tebal) dari Rantau Panjang, Selangor mula ditanam di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor.

Dengan melakukan beberapa kaedah penyelidikan dan memahami perwarisan bentuk buah kelapa sawit, penanaman komersial daripada baka Dura kepada baka kacukan Dura x Pisifera (DxP) mula dijalankan.

Daripada perspektif yang berbeza melalui kesinambungan penyelidikan dan pembangunan, industri sawit negara telah berubah menjadi pengeluar dan pengeksport utama produk berasaskan sawit meliputi aplikasi makanan dan bukan makanan.

Jadi, jelaslah disini bahawa seabad industri sawit mampu memperoleh pelbagai kejayaan kepada negara.

Antara prakarsa yang lebih efektif, dalam masa 100 tahun ini yang kita dapat lihat dengan jelas perkembangan dan kemajuan dalam industri sawit terutama dari segi pertambahan keluasan hektar tanaman sawit dan peningkatan aktiviti berkaitan industri sawit yang berlesen dengan MPOB.

Sebagai asas analoginya, keluasan hektar tanaman sawit meningkat sebanyak 2.36 juta hektar, iaitu daripada 3.38 juta hektar yang



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nor Imirza Mohamad Rozilan
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

direkod pada 2000 kepada 5.74 juta hektar pada akhir 2016. Keluasan itu merangkumi 50 peratus keseluruhan keluasan tanah pertanian negara.

Pada realitinya, aktiviti mengilang buah sawit bagi menghasilkan minyak sawit mentah (MSM) bertambah dari semasa ke semasa.

Begitu juga jumlah pekebun kecil yang mencontohi penanaman sawit juga banyak meningkat kerana tanaman komoditi yang memberi pendapatan lumayan.

Sebagai contoh, pelaburan ladang sawit yang ditanam pokok-pokok sawit selama 5 tahun dan berbuah lebat, lantaran itu dapat diklasifikasikan sebagai pelaburan yang sangat menguntungkan.

Di samping itu, pencapaian pengeluaran dan pengeksportan minyak sawit mentah (MSM) dan produk keluarannya dalam jangka masa tersebut terus kompetitif dari semasa ke semasa.

Pada masa sama, MPOB turut mengambil langkah dengan meningkatkan perkhidmatan dan tanggungjawab memacu perkembangan industri sawit melalui pembukaan pejabat dan stesen penyelidikan baharu dalam dan luar negara terutama di kawasan tumpuan tanaman dan penggunaan minyak sawit.

Daripada konteks yang berbeza, MPOB melalui pejabat serantau luar negara bersama kementerian dan industri mengambil pendekatan termasuk berunding bagi meningkatkan perdagangan dan mengakis tuduhan negatif terhadap industri sawit melalui penjelasan teknikal dan saintifik berkaitan penanaman sawit dan alam sekitar.

Kajian juga menunjukkan MPOB menasarkankan penghasilan minyak sawit lapan tan sehektar setahun dan berkeyakinan sasaran itu dapat dicapai memandangkan keupayaan bahan tanaman hasil kajian dijalankan.

Dari sudut lain, MPOB juga menyediakan kemudahan R&D untuk menghasilkan teknologi dan produk baharu bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing industri meliputi semua sektor iaitu pekebun kecil, ladang, pengilangan, penapisan, kejenteraan ladang makanan, kosmetik, pencuci, bio bahan api, biomas dan oleokimia.

Pada keseluruhannya, dapat disimpulkan disini bahawa industri sawit banyak membantu negara terutama bagi meningkatkan taraf ekonomi negara, bahkan sekaligus dapat membantu pendapatan isi rumah.

Pelbagai cabaran, kejayaan ditempuhi industri sawit dalam usia 100 tahun

Pada 18 Mei 2017, genap seratus tahun industri sawit bertapak di bumi bertuah Malaysia. Bermula sebagai tanman hiasan, Henri Fauconnier seorang peneroka berbangsa Perancis telah menjadi perintis untuk penanaman pokok sawit secara komersial yang bermula di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor.

Sejak dari tarikh yang bersejarah itu, industri sawit telah maju berkembang dan menjadi sumber pendapatan utama negara. Melalui penyelidikan dan pembangunan, industri sawit negara telah berubah dan Malaysia telah menjadi pengeksport utama produk berasaskan sawit yang merangkumi produk makanan dan bukan berasaskan makanan.

Justeru kepentingan industri sawit kepada pembangunan negara dan rakyat Malaysia khususnya haruslah diraikan dengan penuh bangga dan rasa syukur kerana industri sawit telah menjadi nadi kepada pembangunan negara dalam tempoh 100 tahun ini.

Kejayaan tidak datang tanpa cabaran yang hebat dari segenap segi dari luar mahupun dari dalam.

Sejak dari era permulaan pengkomersilan industri sawit Malaysia, banyak kejayaan yang gemilang telah dicapai.

Era 30an menyaksikan industri sawit mengorak langkah ke arah pembangunan pemrosesan minyak sawit secara bersepadu dan berskala besar. Ini meli-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Mohamad Mokhtar Ibrahim
Kuantan, Pahang

batkan pembangunan fasiliti pemrosesan yang lebih moden dan mula menjadi tanda aras kepada pengeluaran minyak sawit yang berkualiti.

Penubuhan FELDA pada 1956 yang telah memulakan program penanaman sawit pada 1961 telah membantu membasmi kemiskinan di kalangan rakyat negara ketika itu dan industri sawit telah meningkatkan taraf ekonomi dan sosial rakyat terutama di luar bandar.

Era 70an menyaksikan kerajaan menggalakkan industri hiliran dan mempelbagaikan produk berasaskan minyak sawit. Ini penting untuk meningkatkan eksport sawit negara yang bukan hanya mengeksport minyak sawit malah produk lain yang berasaskan minyak sawit.

Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) telah ditubuhkan ketika itu untuk memacu industri sawit dalam bidang

penyelidikan dan pembangunan.

Era 80an pula menyaksikan industri oleokimia mula bertapak seiring dengan peningkatan industri sawit di seluruh negara dan membuka ruang kepada penghasilan produk bukan makanan termasuklah produk penjagaan kebersihan dan produk kosmetik secara besar-besaran.

Sehingga hari ini, industri sawit telah jauh ke hadapan seiring dengan pembangunan sains dan teknologi. Perkembangan sains dan teknologi telah mencorak industri sawit menjadi industri yang lebih mampan dan berdaya saing.

Melalui penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), penyelidikan dan pemindahan teknologi dalam memacu industri sawit akan terus diperhebatkan agar semua pihak yang terlibat dalam industri ini terus mendapat manfaat termasuklah pengilang, pedagang dan pekebun-pekebun kecil.

Populasi penduduk dunia dijangka akan meningkat kepada 9 billion pada 2043. Justeru pengeluaran makanan haruslah memenuhi jangkaan kadar pertumbuhan penduduk dunia. Pada 2043, permintaan minyak dan lemak dunia akan mencecah 360 juta tan (Basiron, 2013). Daripada statistik ini, kita dapat menjangkakan pengeluaran minyak sawit akan terus meningkat sejajar dengan peningkatan permintaan minyak dan lemak dunia.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN JUN 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Kecemerlangan industri sawit 100 tahun lalu amat membanggakan. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Seabad berlalu, industri sawit terus melangkah megah untuk abad seterusnya. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JULAI 2017 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mei 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nor Imirza Mohamad Rozilan
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Nur Musfira Hani Borhan
SMK Jalan Tiga
Bandar Baru Bangi,
Selangor

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Mohamad Mokhtar Ibrahim
Kuantan, Pahang

Hadiah Kedua
Mohd Zabidi Nordin
Ulu Kinta, Perak

Hadiah Ketiga
Najihah Mohd Khairi
Kuala Nerang, Kedah

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Jun 2017
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menanam anak pokok sawit sebagai simbolik Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara yang diadakan di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, Selangor sambil diperhatikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah.



Datuk Seri Mah Siew Keong berswafoto bersama kakitangan Media Prima ketika lawatan kerja ke studio syarikat media berkenaan.



Datuk Seri Ahmad Hamzah bersalaman dan beramah mesra dengan pekebun kecil sawit yang menghadiri Seminar Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2017 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din menandatangani sampul surat hari pertama (first day cover) dan setem peringatan 100 Tahun Industri Sawit Negara yang dihasilkan dengan kerjasama antara MPOB dan POS Malaysia Berhad.



Dr. Ahmad Kushairi Din menyerahkan Sijil Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang telah ditandatangani kepada Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Razim Mohd Noor sebagai komitmen dan kesungguhan MPOB memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam satu majlis yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.